



*Spearheading Penang's
Socio-Economic Development*

Laporan Tahunan 2016 Annual Report

KANDUNGAN

- 2 Visi & Misi
- 3 Ahli-Ahli Lembaga
- 6 Ahli-Ahli Pengurusan
- 7 Perutusan Pengerusi

Laporan-Laporan

- 27 Pembangunan dan Pengurusan Tanah
- 36 Pelaburan
- 43 Pembangunan Usahawan
- 46 Korporat
- 71 Penyata Kewangan

CONTENTS

- 2 *Vision & Mission*
- 3 *Members of the Board*
- 6 *Management Team*
- 18 *Chairman's Message*

Reports

- 51 *Land Development and Management*
- 59 *Investment*
- 65 *Entrepreneur Development*
- 68 *Corporate*
- 71 *Financial Statements*



Visi

Untuk menjadi organisasi utama ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih kondusif melalui pembangunan sosioekonomi lestari

Misi

Untuk memenuhi keperluan dan aspirasi pihak yang berkepentingan dalam pembangunan Negeri

Vision

To be the premier organisation in making Penang a better place for all through sustainable socio-economic development

Mission

To meet our stakeholders' needs and aspirations in the State's development



AHLI-AHLI LEMBAGA

MEMBERS OF THE BOARD



Ahli-Ahli Lembaga *Members of the Board*



YAB Tuan Lim Guan Eng
Pengerusi / Chairman



YB Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon
Ahli / Member



**YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l
Palanisamy**
Ahli / Member



**YB Dato' Seri Haji
Farizan bin Darus**
Ahli / Member



**YB Tuan Chow
Kon Yeow**
Ahli / Member



**YB Dato' Haji Abdul
Malik bin Abul Kassim**
Ahli / Member



**YB Dato' Haji Mokhtar bin
Mohd Jait**
Ahli / Member
(Pelantikan sehingga/
Appointment until 8/9/2016)



**YB Puan Sarul Bahiyah
binti Haji Abu**
Ahli / Member
(Pelantikan mulai/
Appointment from 14/10/2016)



**YBhg. Dato' Seri Lee
Kah Choon**
Ahli / Member



Encik Tan Cheong Heng
Ahli / Member



**Encik Khiruddin
bin Said**
Ahli / Member



**YBhg. Dato' Haji Hadzir
bin Md Zain**
Ahli / Member



**Encik Tajol Azhar bin
Md Tahir**
Ahli / Member

Ahli-Ahli Pengurusan *Management Team*



Dato' Rosli Jaafar



Phan Gaik Cher



Chang Wing Mow



Ir Hartini Ali



Ir Yeoh Lean Huat



Mohd Bazid Haji
Abd Kahar



Jamil Ibrahim



Jeffrey Chew
Gim Eam



Tan Yeow Song



Shahril Cheah



K. Baskaran



Lim Beng See



Aziz Bakar



Abdul Latiff
Abd. Aziz



Suzana Hassan



Tan Lipis



Yusof Ismail



Noraini Mohamed
@ Wan Teh



Mohd Sani
Mohd Akier



Shivaruban
Sivanadyan



Sabarul Aswadi
Abdul Jalil



Ang Thian Hock



Dr. Jauriyah
Shamsuddin

PERUTUSAN PENGGERUSI

CHAIRMAN'S MESSAGE



Perutusan Pengerusi

Pada tahun 2016, Pulau Pinang terus memimpin dan memainkan peranan sebagai *economic game changer* di negara ini, dengan trajektori pertumbuhan yang begitu istimewa dalam sektor-sektor perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan global. Pulau Pinang telah berkembang menjadi sebuah bandaraya pintar antarabangsa, lokasi pilihan bagi sektor pembuatan, pelaburan dan destinasi pilihan bagi pelancong.

Sepanjang tahun 2016, Kerajaan Negeri dan PDC telah bangkit semula dalam mengharungi pelbagai cabaran ketidaktentuan ekonomi dengan memberi sokongan padu kepada sektor perindustrian demi kepentingan masa depan Pulau Pinang, seperti sektor-sektor pembuatan dan pelancongan serta projek-projek sosial seperti pembinaan infrastruktur dan kemudahan, mewujudkan modal insan dan menyediakan perumahan mampu milik.



Majlis Perasmian GBS@Mayang

Pulau Pinang adalah negeri perindustrian yang bersepadu dalam rantai bekalan global. Dengan eko sistem yang bertenaga dan mapan, terdapat lebih daripada 300 syarikat multinasional dan 3,000 pembekal-pembekal tempatan yang kompeten untuk menyokong pertumbuhan industri. Walaupun sebagai negeri yang kedua terkecil di Malaysia, Pulau Pinang telah menyumbang 7% kepada KDNK negara dan hampir RM7 bilion dalam cukai dan duti setiap tahun kepada Kerajaan Persekutuan. Pulau Pinang juga adalah negeri yang mempunyai prestasi terbaik dalam pengurusan kewangan.

Dalam sektor pembuatan, Pulau Pinang kekal sebagai tempat yang menarik untuk pelaburan. Ini terbukti dengan RM39.7 bilion FDI dan RM19.5 bilion pelaburan domestik



Gambaran artis IKEA Store di Batu Kawan

di mana keseluruhan pelaburan ialah RM59.2 bilion dari tahun 2008 hingga 2016, iaitu peningkatan 73% dari jumlah pelaburan RM34.2 bilion yang dicatatkan bagi tempoh 9 tahun dari tahun 1999 – 2007. Sejumlah 139,133 pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh 9 tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 15% berbanding dengan tempoh 9 tahun yang sebelumnya iaitu sejumlah 121,511 pekerjaan.

Pada tahun 2016, Pulau Pinang telah merekodkan pelaburan sebanyak RM4.3 bilion (daripada projek-projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA), di mana pelaburan asing adalah sebanyak RM3.1 bilion dan pelaburan tempatan sebanyak RM1.2 bilion. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 10,813 peluang pekerjaan.

Dalam bidang pelancongan pula, Pulau Pinang disenaraikan oleh *ECA International* sebagai bandar utama yang ke-16 yang paling sesuai didiami di Asia; George Town Pulau Pinang menduduki tangga ke-4 dalam 10 bandar utama untuk dikunjungi pada tahun 2016 oleh *Lonely Planet*; dan Pulau Pinang juga disenaraikan sebagai salah satu daripada 15 Bandar Terbaik di dunia yang mempunyai makanan yang terbaik oleh *Culture Trip 2016*.

Penghargaan ini jelas membuktikan bahawa Pulau Pinang adalah bandar yang paling sesuai untuk didiami di Malaysia, yang menawarkan yang terbaik untuk perniagaan dan sebuah pulau terkenal dengan tarikan pelancongan.

Tambahan pula, usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandaraya Perubatan dengan penubuhan Pusat Pelancongan Perubatan Pulau Pinang (dengan penglibatan sebanyak 10 hospital swasta) telah meningkatkan pelancong kesihatan sebanyak 14.8% iaitu dari 302,000 pada tahun 2015 kepada 347,000 pada tahun 2016. Hasil pendapatan juga meningkat sebanyak 17.13% daripada RM391 juta pada tahun 2015 kepada RM458 juta pada tahun 2016.

Bukit Bendera juga telah menerima pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records* bagi keretapi *funicular* dan tindakan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untukewartakan Bukit Bendera sebagai *UNESCO Biosphere Reserve*, salah satu cadangan untuk memelihara Bukit Bendera sebagai salah satu tapak warisan utama semulajadi Pulau Pinang dan pilihan utama resort bukit di Malaysia.



Bukit Bendera - satu tapak warisan utama semulajadi



Pulau Pinang terkenal dengan keindahan pantai

Semua usaha ini telah meletakkan Pulau Pinang dalam peta pelancongan dunia dan juga membuahkan hasil, di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah merekodkan jumlah 6.7 juta penumpang pada tahun 2016, melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta iaitu 4 tahun lebih awal dari yang dijadualkan pada tahun 2020.

Pulau Pinang juga sedang mempromosi segmen penting dalam *Meetings Incentives Conventions and Exhibitions (MICE)* dengan siapnya Pusat Konvensyen Setia SPICE (Subterranean Penang International Convention & Exhibition) yang baru bernilai RM300 juta, sebuah pusat konvensyen yang pertama menggunakan tenaga solar.

Sepanjang tahun 2016, Pulau Pinang menyaksikan kelahiran semula mercu tanda baru iaitu Komtar Baru dengan The Top @ Komtar, yang melambangkan perjalanan luar biasa oleh Pulau Pinang dalam tempoh 8 tahun yang lalu untuk bangkit semula daripada kemerosotan sebelum ini. Kita dapat melihat kebangkitan semula kedua-dua industri pelancongan dan pembuatan di Pulau Pinang yang dinamik. Kita juga telah mentransformasi *brown fields* kepada *green fields*, dengan kelahiran semula Komtar Baru, iaitu The Top @ Komtar, hasil dari kejayaan transformasi berjumlah RM200 juta oleh syarikat swasta.



Pusat Konvensyen Setia SPICE



Rainbow Skywalk di KOMTAR

Keyakinan dalam Pulau Pinang baru, Kerajaan Negeri dan PDC telah meyakinkan OWG untuk melabur RM200 juta bagi membaik pulih mercu tanda ikonik Pulau Pinang menjadi tempat yang menarik. The Top @ Komtar telah meletakkan semula KOMTAR dalam peta dunia dengan *Rainbow Skywalk*, di mana pengunjung dapat meninjau pemandangan dari 68 tingkat!

Pengunjung bukan sahaja dapat menikmati pandangan 360 darjah Pulau Pinang tetapi juga boleh menikmati taman tema yang pertama seumpamanya termasuk *Jurassic Research Centre* (dengan 200 ekor dinosaur), Skrin Digital yang terpanjang di Malaysia, *5D Ocean Explorer* dan *7D Discovery Motion Theater* yang terbaru di dunia, *'upside down' symphony orchestra* dan Penang Tech Dome yang merupakan pusat sains dan teknologi.

Bandar Cassia Batu Kawan, terletak di tanah besar merupakan bandar satelit PDC – Penang Design Village yang bernilai RM250 juta telah membawa pelbagai jenama terkemuka seperti Ralph Lauren, Adidas, Coach dan Clarks; KDU Penang University College telah melabur RM220 juta untuk membina sebuah kampus baru dengan keluasan 10 ekar dan IKEA Store bernilai RM600 juta merupakan satu lagi *economic game changer* akan dibuka dalam tahun 2019. Dengan semua pertumbuhan ini, Batu Kawan bakal menjadi pusat pembangunan baharu di Pulau Pinang, untuk didiami, bekerja dan bermain, jelas menggambarkan bahawa Pulau Pinang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang menjadi masyarakat yang berpengetahuan dan keusahawanan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya bekerjasama dengan sektor swasta/masyarakat sivil telah mewujudkan inisiatif-inisiatif yang boleh dianggap sebagai *educational game changer* dalam haknya sendiri.

Oleh itu, projek Penang Science Café yang bernilai RM23 juta menyediakan kelas percuma kepada kanak-kanak dalam bidang sains dan robotik; Penang Tech Dome yang bernilai RM28 juta bagi menghidupkan kembali minat dalam bidang sains dan teknologi; *Malaysian Meister Programme* yang bernilai RM6 juta, menawarkan kursus diploma lanjutan selama 42 bulan yang diiktiraf oleh Jerman, di mana pelajar dapat belajar sambil bekerja di kilang-kilang global.



Majlis perasmian pembukaan Design Village Penang

Perpustakaan Digital Pulau Pinang baru yang beroperasi 24 jam merupakan perpustakaan pertama di Malaysia tanpa buku dan Pusat Pembelajaran Karpal Singh yang bernilai RM6 juta menawarkan pengajaran STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) di Pulau Pinang, jelas mempamerkan kejayaan Pulau Pinang sebagai model dalam pendidikan dan keusahawanan.



Perpustakaan Digital Pulau Pinang, merupakan perpustakaan pertama di Malaysia tanpa buku

Dengan kemunculan revolusi digital, Kerajaan Negeri dan PDC dapat melihat potensi besar dalam industri teknologi. Bagi mentransformasikan Pulau Pinang untuk menjadi bandaraya pintar antarabangsa, kita mesti menerajui masa depan baru dengan teknologi digital.

Ini terbukti dengan penubuhan Penang@CAT yang bertapak di bangunan warisan Wisma Yeap Chor Ee, di mana Kerajaan Negeri dan PDC telah melabur sebanyak RM23 juta untuk membaiki pulih bangunan ini dan



Penang@CAT, cetuskan keghairaan generasi muda dalam bidang sains & teknologi

menyewanya untuk tempoh 30 tahun. Dengan tujuan utama untuk membangun dan mewujudkan sambungan interaktif antara sains dan teknologi, Penang@CAT akan mengambil inisiatif ini untuk melangkah ke hadapan ke arah masa depan digital dengan melancarkan pelbagai program tetap sebagai jaringan korporat menghubungkan usahawan dan pakar teknologi ke arah penghasilan inovasi, perkongsian dan penyelesaian.

Visi Kerajaan Negeri, PDC dan Invest-in-Penang Berhad adalah untuk menarik lebih Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services*) dan bergerak ke arah bidang pembuatan yang bernilai tinggi dengan teknologi digital serta menggalakkan *start-ups* di Negeri Pulau Pinang juga bertambah menjadi lebih kukuh dengan projek-projek akan datang seperti GBS@Mayang dan GBS By The Sea.

Semua program dan inisiatif ini adalah selaras dengan strategi Kerajaan Negeri dan PDC untuk mendapatkan penumpuan dalam masyarakat, sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk membolehkan kami mengguna dan memanfaatkan daripada menyertai Revolusi Industri 4.0 yang berkisar tentang *Internet of Things (IoT)*, *Big Data Analysis (BDA)*, Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dan *e-Commerce*.



Penganjuran PIHEC bagi tahun ke-7

Dalam tahun 2016, sejajar dengan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global, Halal Penang, anak syarikat milikan penuh PDC, terus mempromosikan Pulau Pinang secara agresif dengan penganjuran Penang International Halal Expo dan Conference (PIHEC) yang ke-7 dan World Curry Festival-Penang Chapter kali ke-2.

Dalam membangunkan penyelidikan dan pembangunan industri halal, Halal Penang telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MOU) dengan AgResearch Limited, New Zealand dan FERA Science Limited, United Kingdom dalam bidang pelaburan bersama, pemindahan teknologi dan perkongsian latihan dalam penyelidikan dan pembangunan mampan dalam sektor agrikultur. Halal Penang juga turut bekerjasama dengan Invest-in-Penang Berhad (IP) dan PDC dalam membangunkan *Food Zone* di North Penang Science Park dan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM172.86 juta.

Satu lagi *game changer* di Pulau Pinang adalah sistem pengangkutan awam iaitu Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (*Penang Transport Master Plan*) yang merangkumi *Light Rail Transit (LRT)* Bayan Lepas, *Pan Island Link (PIL)* dan *Penang South Reclamation (PSR)* yang merupakan perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani kekurangan sistem pengangkutan awam yang efisien dan kesesakan trafik di negeri ini.



World Curry Festival di Bradford

Perancangan ini terdiri daripada gabungan *LRT*, monorel, *BRT* dan trem serta *Pan Island Link* untuk menangani kepentingan strategik penyuraian trafik. Saya percaya bahawa pengangkutan awam yang cekap akan menjadikan Pulau Pinang lebih sesuai didiami dan menggalakkan lebih banyak pelaburan ke negeri ini.

Dalam semangat optimistik ini, saya dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan PDC Tahun 2016, bagi pihak Lembaga PDC.

KEWANGAN

Pada tahun ini, PDC meneruskan dengan prestasi kewangannya yang terpuji melalui amalan tadbir urus korporat yang baik dalam pengurusan dan operasinya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, keuntungan sebelum cukai PDC adalah RM45.8 juta dari perolehan sejumlah RM243.3 juta manakala keuntungan sebelum cukai Kumpulan pula adalah RM42.6 juta dari perolehan sejumlah RM267.0 juta.

Setakat 31 Disember 2016, jumlah aset bersih PDC dan Kumpulan adalah RM2.2 bilion dan RM2.3 bilion masing-masing.

Pada tahun 2016, melalui tadbir urus CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), PDC dianugerahkan Indeks Akauntabiliti 5-Bintang Terpuji untuk kali ke-6 untuk pengurusan kewangan yang baik oleh Jabatan Audit Negara.

TANAH

Antara strategi PDC pada tahun 2016 adalah menambahkan bank tanah PDC melalui pengambilan tanah seluas 790 ekar di kawasan Selatan Batu Kawan Fasa 1. Lokasinya yang strategik menjadikan kawasan ini dikhususkan untuk pembangunan jangka masa panjang untuk industri dan perwujudan peluang pekerjaan.

PDC juga telah memberi keutamaan kepada pengambilan tanah di Bukit Tambun (Timur Batu Kawan) memandangkan kawasan ini paling strategik untuk dibangunkan kerana lokasinya terletak di laluan masuk Bandar Cassia. Tanah seluas 97.95 ekar dikhususkan untuk tujuan pelebaran jalan dan pembangunan bercampur manakala baki tanah seluas 465.62 ekar untuk pembangunan masa hadapan.

INDUSTRI

Daripada syarikat-syarikat yang melabur di tanah perindustrian PDC, terdapat 3 syarikat MNC yang telah memilih Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP), iaitu:-

- Boston Scientific Medical Device (Malaysia) Sdn Bhd (Amerika Syarikat) dengan aktiviti pembuatan *medical device (including structural heart components, medical optical fibers and endoscopy biopsy devices)*, dijangka melabur sebanyak lebih kurang RM223 juta bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 20 ekar di BKIP. Pelaburan ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 300 orang.

- Avago Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Amerika Syarikat) dengan aktiviti *global supply chain hub* akan melabur sebanyak RM38.7 juta atas tanah seluas 5 ekar yang jangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 131 orang.
- Sunningdale Tech Penang Sdn Bhd (Singapura) dengan aktiviti pembuatan komponen plastik untuk industri automotif, konsumer/industri-industri IT dan kesihatan juga mengembangkan operasi perniagaan mereka di BKIP. Syarikat ini dijangka melabur sebanyak RM45.5 juta di atas tanah seluas 3.5 ekar dan pelaburan ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 404 orang.

Peranan IKS

PDC terus memberi perhatian dalam pembangunan dan promosi industri IKS di Pulau Pinang dengan membina dan merancang projek-projek IKS bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Di bawah projek SME Village Batu Kawan, plot-plot tanah industri serta kilang-kilang jenis teres dan berkembar akan dibangunkan dalam 5 fasa. Fasa 1 dan 2 yang merangkumi 44 plot tanah industri dan 44 unit kilang berada dalam peringkat pembangunan dan pembinaan. Setakat Disember 2016, sejumlah 40 unit kilang telah berjaya dijual. Fasa 3 yang merangkumi pusat perkhidmatan, kedai serbaneka, ruang pameran, bilik mesyuarat dan sebagainya sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2017. Manakala, Fasa 4 dan 5 masih berada dalam peringkat perancangan bagi memenuhi permintaan masa depan.

Syarikat-syarikat antarabangsa di BKIP





Kilang-kilang jenis teres di Batu Kawan

Projek IKS di Taman Perindustrian Bukit Minyak yang merangkumi 27 unit kilang telah siap dibina dan setakat Disember 2016, sejumlah 21 unit kilang telah dijual.

Sementara itu, pembangunan 2-tingkat Pusat Perkhidmatan (Service Centre) di Batu Kawan, bagi menempatkan prasarana berkualiti dan moden yang dapat menawarkan kemudahan terbaik kepada pengusaha IKS, dijangka siap pada suku kedua 2017.



Pusat Perkhidmatan di Batu Kawan

PENGURUSAN HARTA

Pada tahun 2016, PDC bersama dengan Kerajaan Negeri meneruskan dengan pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik (PMM) sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporatnya bagi memenuhi permintaan semua lapisan masyarakat terhadap keperluan perumahan.

Projek PMM di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan yang mengandungi 11,800 unit mula dibina secara berperingkat mengikut fasa. Fasa pertama mengandungi 520 unit dan setakat akhir tahun 2016 adalah di peringkat 92% pembinaan. Harga jualan adalah di dalam lingkungan RM72,500 hingga RM220,000 seunit.



Pembeli-pembeli Suria 1 di Bandar Cassia

Selain dari Bandar Cassia, antara kawasan lain di Seberang Perai yang dikenalpasti untuk pembinaan PMM adalah di Kampung Jawa. Projek ini mengandungi 707 unit dengan harga jualan di antara RM72,500 hingga RM250,000 seunit. Projek ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2018.

Manakala di kawasan sebelah pulau, projek PMM yang sedang dimajukan adalah di Teluk Kumbar dan di Jalan S P Chelliah. Projek di Teluk Kumbar mengandungi 694 unit dengan harga jualan di antara RM72,500 hingga RM330,000 seunit. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2018. Bagi projek di Jalan S P Chelliah yang mengandungi 2,093 unit, kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada Oktober 2014 dan harga jualan adalah di dalam lingkungan RM72,500 sehingga RM400,000 seunit.

Pengurusan Perumahan Bertingkat dan Lain-Lain Projek PDC

Pada tahun 2016, PDC masih mengekalkan polisi perkongsian kos untuk pengecatan semula bagi bangunan-bangunan PDC. Setakat 31 Disember 2016, PDC telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula untuk sejumlah 13 projek perumahan bertingkat yang merangkumi kawasan pulau dan Seberang Jaya yang melibatkan 15 Perbadanan Pengurusan (MC). Pada akhir tahun 2016, PDC dalam proses untuk menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula di Pangsapuri Desa Sri Jaya, Bandar Seberang Jaya, yang dijangka akan siap pada awal tahun 2017.



Majlis perasmian siap kerja pengecatan semula Blok 72, Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru

Selain itu, PDC juga turut menawarkan dasar perkongsian kos untuk pelaksanaan pembaikan kritikal untuk projek-projek kos rendah dan sederhana rendah. Pada akhir tahun 2016, kerja pembaikan kritikal yang melibatkan kerja-kerja pembaikan bumbung, pembaikan tangki air dan penggantian paip air sedang dijalankan di Blok 74, Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru. Bagi projek ini, perkongsian kos adalah di antara PDC, pihak Perbadanan Pengurusan dan Kerajaan Negeri.

PELANCONGAN

Pada tahun 2016, Penang Global Tourism (PGT), sebuah anak syarikat milikan penuh PDC meneruskan usaha dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa kepada dunia dan menyertai beberapa pameran perdagangan seperti Arab Travel Market (ATM), ITB Berlin (Jerman), ITB Asia (Singapura), World Travel Mart (London) dan International Travel Expo (Hong Kong).



Pesta Belon Udara Panas

Selain daripada itu, PGT juga menganjurkan *road shows* dan misi-misi jualan bersama dengan United Kingdom, Amerika Syarikat, UAE, Singapura, Korea Selatan, Jepun, China, Vietnam dan Myanmar.

PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) PULAU PINANG

PDC meneruskan dengan pelaksanaan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) pada tahun 2016. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000 dan tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun. Keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan adalah berjumlah RM11.3 juta yang mana telah diluluskan kepada 2,483 peminjam di semua daerah di Pulau Pinang.



Majlis penyerahan cek kepada peminjam-peminjam PTSR

Bagi tahun 2016, sebanyak 15 sesi taklimat telah diadakan kepada pemohon sekitar Pulau Pinang dan seramai 350 peminjam telah menerima manfaat dari pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2.073 juta.

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi dorongan kepada golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya. Jabatan pengelola terdiri daripada Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan PDC bertindak sebagai agen Kerajaan Negeri, iaitu sebagai pemberi pinjaman, pengutip pinjaman dan pentadbir TUTM.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM500,000 kepada PDC untuk pelaksanaan TUTM dan sebanyak RM245,000 telahpun diedarkan kepada 49 peminjam.



Penerimaan cek oleh peminjam TUTM

Program Tunas Niaga (PROTUNE)

PDC meneruskan pelaksanaan Program Tunas Niaga (PROTUNE) iaitu pengurusan keusahawanan remaja sekolah menengah dengan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia. Sejumlah RM179,388.98 telah dibelanjakan untuk melaksanakan program ini yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan seramai 950 pelajar dari 38 buah sekolah menengah terlibat dalam program ini.



Peserta-peserta PROTUNE

Pembudayaan Dan Latihan Keusahawanan

PDC telah membelanjakan sejumlah RM151,622.63 dalam melaksanakan program-program pembudayaan dan latihan keusahawanan yang melibatkan seramai 390 orang usahawan.

KORPORAT

Pada tahun 2016, saya mempengerusikan Lembaga PDC yang terdiri daripada 12 orang ahli termasuk 3 orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan dan telah bermesyuarat sebanyak 6 kali.

Sejumlah 18 mesyuarat KPI Task Force telah diadakan sepanjang tahun 2016 yang juga dipengerusikan oleh saya dan terdiri daripada Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Seri Chet Singh, Dato' Rosli Jaafar, Cik Phan Gaik Cher, Puan Chang Wing Mow dan Puan Loo Lee Lian bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan strategi dan operasi keseluruhan PDC.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

PDC terus memainkan peranan penting sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dengan menyumbang kepada komuniti, kebajikan, alam sekitar, pendidikan dan pembangunan sukan.

Pada tahun 2016, PDC telah melaksanakan pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), antaranya ialah menyediakan rumah mampu milik bersubsidi, penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam, menjalankan kerja-kerja pengecatan semula untuk bangunan perumahan bertingkat dan menghijaukan Pulau Pinang melalui projek-projek landskap.



Program memupuk semangat integriti

PDC juga meneruskan penganjuran program Kempen Derma Darah PDC-ANSARA, program meningkatkan integriti dan sahsiah untuk para pelajar, bantuan dari segi kewangan atau barangan keperluan kepada anak-anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik

semasa sambutan perayaan, sumbangan kepada Tabung Bencana Alam TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, George Town Heritage Festival dan Penang Tech Centre.

Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Pada tahun 2016, PDC melaksanakan *Enterprise Project Management System (EPMS)* dan *Enterprise Financial Management System IFCA*. Pengurusan PDC kini mempunyai akses kepada maklumat kewangan yang tepat dan terkini yang memudahkan pihak Pengurusan membuat keputusan.

EPMS pula telah menyediakan satu platform bersepadu bagi pengurusan PDC dan pengurus-pengurus projek memantau projek-projek serta membolehkan pengurus-pengurus projek bekerjasama dengan rakan sepasukan mereka dan berkongsi maklumat mengenai projek-projek infrastruktur dan pembangunan seperti Skim Perumahan Mampu Milik (AHS) dan projek-projek lain yang berkaitan.

Dalam perkembangan yang menggalakkan ini, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua rakan korporat dan penyokong, iaitu Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Negeri, agensi-agensi, sektor swasta dan warga Pulau Pinang atas sokongan dan keyakinan kepada PDC sepanjang tahun 2016.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Lembaga PDC, Ahli-Ahli KPI Task Force, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kajian Audit, Pengurusan dan kakitangan PDC yang telah bekerja keras dan komited dalam merancang dan melaksanakan projek-projek untuk warga Pulau Pinang.

Terima kasih.

YAB Tuan Lim Guan Eng

Pengerusi

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang



Chairman's Message

In 2016, Penang continued to lead and play the role of an economic game changer in the country, with a remarkable trajectory of growth in industry, tourism and global services. Penang is indeed fast developing into an international and intelligent city, a location of choice for manufacturing, investments and a destination of choice for tourists.

During the year, the State Government and PDC have risen up to the challenges of the nation's economic slowdown, by strongly supporting industry sectors critical for Penang's future, such as manufacturing and tourism, and social projects like building infrastructure and amenities, creating human talent and affordable housing.

and nearly RM7 billion in taxes and duties annually to the Federal Government. Penang is also the best performing State in Malaysia in terms of financial management.

In manufacturing, Penang continued to be an attractive place for investments. This is evidenced by RM39.7 billion FDIs and RM19.5 billion domestic investment, which amounted to a total investment of RM59.2 billion from 2008 to 2016, representing a 73% increase from the total investment of RM34.2 billion recorded for a similar 9-year period from 1999 – 2007. A total of 139,133 jobs were created during this recent 9-year period, an increase of 15% over the previous 9-year period of 121,511 jobs.

In 2016, Penang recorded an investment of RM4.3 billion (from manufacturing projects approved by MIDA), out of which foreign investment comprised RM3.1 billion and domestic investment RM1.2 billion. These investments are also expected to create 10,813 jobs for the people.



Exchange of document between PDC & Osram

Penang is a thriving industrialised State and well integrated into the global supply chain. Our vibrant and established ecosystem has over 300 MNCs and 3,000 highly competent local suppliers to support the growth of industry. Despite being the second smallest State in Malaysia, Penang contributes 7% to the country's GDP

On the tourism front, ECA International has ranked Penang as the 'Top 16th most liveable cities in Asia' in 2016; Lonely Planet has ranked George Town Penang as No. 4 of Top 10 Cities to visit in 2016; and Penang was also listed as one of the 15 Best Cities in the World for Food by Culture Trip in 2016.

These accolades prove that Penang is the most liveable city in Malaysia and offers the best of both worlds, a competitive ground for business and an island famed for its tourist attractions.

Furthermore, the State Government's efforts to establish Penang as a Medical City, with the set-up of the Penang Centre of Medical Tourism (with involvement of 10 private hospitals), has contributed to the increase of medical tourists by 14.8% from 302,000 in 2015 to 347,000 in



The Curtis Crest Tree Top Walk at Penang Hill

2016. Revenue has also increased by 17.13% from RM391 million in 2015 to RM458 million in 2016.

The State's green lungs, Penang Hill has also received recognition by Malaysia Book of Records, for its funicular railway and plans are also in the pipeline to gazette Penang Hill as a UNESCO Biosphere Reserve, as part of the State Government's plans to preserve Penang Hill as one of the major natural heritage sites of Penang and a hill resort of choice in Malaysia.

All these efforts have firmly established Penang on the

world tourism map and have also borne fruit with the Penang International Airport recording 6.7 million passenger movements in 2016, exceeding the maximum capacity of 6.5 million, 4 years in advance of the scheduled 2020 target.

Penang is also moving into the important segment of Meetings Incentives Conventions and Exhibitions (MICE) with the completion of the new RM300 million Subterranean Penang International Convention & Exhibition (SPICE) Setia Convention Centre, a first in solar-powered.



SPICE, a first in solar-powered

During the year, Penang witnessed the rebirth of a new icon – New Komtar with The Top @ Komtar, which symbolises the incredible journey Penang has taken over the last 8 years to pick itself up after falling into decline. We have seen a revival of both tourism and manufacturing industry in dynamic Penang. We have also transformed brown fields into green fields, the rebirth symbolised by New Komtar with The Top @ Komtar, a successful RM200 million transformation by a private company.

Confidence in the new Penang, and the State Government and PDC, has convinced OWG to invest RM200 million for the refurbishment of this iconic landmark of Penang into a 'hot and happening' spot. The Top @ Komtar has established KOMTAR back on the global map with the glass "Rainbow Skywalk", letting visitors see all the way down from 68 storeys!

Not only can visitors enjoy the 360 degree panoramic views of Penang, but they can also have fun in a host of first-of-their-kind theme attractions, including a Jurassic Research Center (with 200 dinosaurs), Malaysia's longest digital screen, 5D Ocean Explorer and the latest in the world a 7D Discovery Motion Theater, an upside down symphony orchestra and the Penang Tech Dome of science and technology.

At the mainland, in PDC's satellite township of Bandar Cassia Batu Kawan, marquee brands are flourishing - the RM250 million Penang Design Village that sells branded goods like Ralph Lauren, Adidas, Coach and Clarks; the KDU Penang University College that will be setting up a brand new 10-acre flagship campus with an investment of RM220 million; and the RM600 million IKEA Store, which is yet another economic game changer will be opened by 2019. With all these growth, Batu Kawan is poised to be among the new growth centres in Penang, to live, work and play, showcasing a cleaner, greener, safer and healthier Penang.

In transforming Penang into a knowledge and entrepreneurial society, the State Government and its agencies, working in concert with the private sector/civil society have come with initiatives that can be considered as educational game changers in their own right.

Hence, the RM23 million Penang Science Café project that provides free classes to kids in applied science and robotics; the RM28 million Tech Dome of Penang that aims to rekindle interest in science and technology; the RM6 million Malaysian Meister Programme that offers free 42-month advanced diploma courses where students learn on the job and work at global factories that is recognised even in Germany, the new RM3 million 24-the technology industry. To transform Penang into an

hour Penang Digital Library which is Malaysia's first library without books and the RM6 million Karpal Singh Learning Centre that further enhance the development of Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) in Penang, showcases the successes of Penang's education and entrepreneurial State model.

With the emergence of digital revolution, the Penang State Government and PDC sees a huge potential in



Penang Digital Library-Malaysia's first library without books

international and intelligent city, we must embrace this new future of digital technology.

A case in point is the Penang@CAT, sited at the beautiful unique heritage Wisma Yeap Chor Ee building, whereby the State/PDC has invested RM23 million to refurbish this building and rent it on a 30-year lease. With the main purpose of developing and building an interactive connection between science and technology, Penang@CAT will be taking this initiative a step forward



Penang@CAT-promoting creative thinking

towards the digital future by launching a host of permanent programmes to bridge corporates with start-ups, entrepreneurs and 'techies' for innovation, partnerships and solutions.

The State Government, PDC and Invest-in-Penang Berhad's vision to attract more Global Business Services (GBS), and to move into high value manufacturing with digital technology as well as to encourage start-ups in the State, is also growing from strength-to-strength, with its GBS@Mayang and GBS By The Sea projects coming on line.



GBS By The Sea-a project to attract more Global Business Services

All the above programmes and initiatives are in line with the Penang State Government and PDC's strategy to seek convergence in the public, manufacturing and services sectors, to enable us to exploit and benefit from the 4th Industrial Revolution, revolving around Internet of Things (IoT), Big Data Analysis (BDA), Cloud Computing and e-commerce.



Launching of Penang Trade Events Calendar 2017

During the year, in line with branding Penang as a Global Halal Centre, Halal Penang, a wholly-owned subsidiary of PDC, continued to aggressively promote Penang by hosting the 7th Penang International Halal Expo and

Conference (PIHEC) and the 2nd World Curry Festival-Penang Chapter.

In an effort to develop the halal research and development (R&D) industry, Halal Penang signed MOUs with AgResearch Limited, New Zealand and FERA Science Limited, UK in the fields of co-investments, technology transfer and sharing best practices in R&D for sustainable development in the agriculture sector.

Halal Penang in collaboration with Invest-in-Penang Berhad (IP) and PDC are developing the Food Zone at the North Penang Science Park and had attracted a total of RM172.86 million investments.

Another game changer in the State is the Penang Transport Master Plan, which covers the Bayan Lepas LRT, Pan Island Link (PIL) and Penang South Reclamation (PSR), which is the State Government's plan to address the lack of an efficient public transportation system and traffic congestion in the State.

It will consist of a combination of LRT, monorail, BRT and tram and the Pan Island Link to address the strategic importance of traffic dispersal. We believe that an efficient public transport will make Penang more liveable and encourage even more investments into the State.

On this optimistic note I now have the pleasure to present the PDC Annual Report 2016, on behalf of the PDC Board.

FINANCE

During the year, PDC continued with its commendable financial performance, through the practice of good corporate governance in its management and operations.

For the financial year ended 31 December 2016, PDC achieved a profit before tax of RM45.8 million on a revenue of RM243.3 million whereas Group profit before tax was RM42.6 million on a revenue of RM267.0 million.

The net assets of the Corporation and Group as at 31 December 2016 stood at RM2.2 billion and RM2.3 billion respectively.

For 2016, through CAT (Competency, Accountability and Transparency) governance, PDC was awarded the most commendable 5-Star rating Accountability Index for the 6th time, for good financial management by the Auditor General's Department.

LAND

Among the strategies of PDC during the year was to increase PDC's land bank through acquisition of 790 acres of land at Phase 1, South Batu Kawan. This area is strategically located for PDC's long term development plans for industry and job creation.

PDC has also prioritised the land acquisition at Bukit Tambun (East Batu Kawan), which is the most strategic parcel for development as it is located at the entry point of Bandar Cassia. A total of 97.95 acres have been earmarked for road widening and mixed development while the balance of 465.62 acres is for future development.

INDUSTRY

Of the companies that have invested in PDC's industrial areas, 3 companies are MNCs that have chosen to invest in Batu Kawan Industrial Park (BKIP) as follows:-

- *Boston Scientific Medical Device (M) Sdn Bhd (USA)* that carries out medical device manufacturing (including structural heart components, medical optical fibres and endoscopy biopsy devices) is expected to invest about RM223 million to expand their operations on 20 acres of land at BKIP and is expected to create 300 jobs.
- *Avago Technologies (M) Sdn Bhd (USA)* as a Global Supply Chain Hub, with investments of RM38.7 million on 5 acres of land that will create 131 jobs.
- *Sunningdale Tech Penang Sdn Bhd (Singapore)* involved in manufacturing of plastic components for automotive industry, consumer/IT and healthcare industry. The company will be expanding their operations in BKIP, investing RM45.5 million on 3.5 acres of land and is expected to create 404 jobs.

Small and Medium Enterprises (SME)

PDC continued to promote and develop the growth of SMEs in Penang by building and planning SME projects to meet the growing demand.

The SME Village in Batu Kawan consist industrial plots, terrace and semi-detached factories which will be built in 5 phases. Phases 1 and 2 consist 44 industrial plots and 44 factory units are currently under construction and as at December 2016, a total of 40 factory units have been sold. Phase 3 consisting a service centre, utility store, exhibition centre and meeting rooms, is in the process of construction and is expected to be completed by end of 2017. Meanwhile, Phases 4 and 5 are still in the planning stage to meet future demand.

Besides this, another SME project which comprise 27 factory units is carried out at Bukit Minyak Industrial Park and as at December 2016, 21 factory units had been sold.

Meanwhile, the double-storey Service Centre in Batu Kawan which provides quality and modern infrastructure to provide the best facilities to the operators of SMEs is expected to be ready in the 2nd quarter of 2017.

PROPERTY MANAGEMENT

In 2016, PDC together with the State Government continued with its Corporate Social Responsibility through the implementation of Affordable Housing Scheme (AHS) for all stratum of society.

Works on the AHS project in Bandar Cassia, South Seberang Perai, comprising 11,800 units were carried

Semi-detached factories at SME Village in Batu Kawan



out in phases. Phase 1 comprises 520 units and as at end of 2016, was 92% completed. The selling price is between RM72,500 to RM220,000 per unit.

Apart from Bandar Cassia, another area in Seberang Perai that have been identified for AHS projects is in Kampung Jawa, whereby the project comprise 707 units with selling price of between RM72,500 to RM250,000 per unit. The project is expected to be completed in the 1st quarter of 2018.



Signing of Sales & Purchase Agreement for AHS project at Jalan S P Chelliah

On the island, the AHS projects that are being developed are in Teluk Kumbar and at Jalan S P Chelliah. The Teluk Kumbar project comprises 694 units with sales price of between RM72,500 to RM330,000 per unit and the project is expected to be completed in mid-2018. For the AHS project at Jalan S P Chelliah that comprises 2,093 units, construction works started in October 2014 and the sales price is between RM72,500 to RM400,000 per unit.

Management of high rise units and other PDC projects

In 2016, PDC still maintained its policy of cost sharing for the repainting of PDC buildings. As at 31 December 2016, PDC had successfully completed repainting works for 13 high rise housing projects in the island and Seberang Jaya involving 15 MCs. At the end of the year, PDC was in the process of completing the repainting works for Desa Sri Jaya Apartments, Bandar Seberang Jaya, which is expected to be completed in early 2017.

PDC also offers the policy of cost sharing for the implementation of critical repairs for low cost and low medium cost projects. As at end 2016, critical repair works that comprised repairs of roof, water tanks and replacement of water pipes were carried out at Block 74, Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru, whereby the cost sharing was between the State Government, PDC and the MC.

TOURISM

During the year, PDC's wholly-owned subsidiary i.e. Penang Global Tourism Sdn Bhd (PGT) continued its efforts in promoting Penang as an international tourism destination to the world and participated in trade shows such as Arab Travel Market (ATM), ITB Berlin (Germany), ITB Asia (Singapore), World Travel Mart (London) and International Travel Expo (Hong Kong).

Apart from that, road shows and sales missions were also carried out, some together with Tourism Malaysia in South Korea, Hong Kong, Vietnam and Myanmar.

PGT also hosted a total of 60 familiarisation trips for the media and travel agents from countries like United Kingdom, United States, UAE, Singapore, South Korea, Japan, China, Vietnam and Myanmar.



World Travel Mart

MICRO CREDIT SCHEME

PDC continued to implement the Micro Credit Scheme in the year 2016. A sum of RM11 million had been allocated for the Micro Credit Scheme Loan ranging from RM1,000 to RM20,000, which is distributed to



Handing over of cheques to entrepreneurs

entrepreneurs without any collateral or guarantors, and the period of payback is between 1 to 2 years. To date, the total amount that has been distributed is RM11.3 million to 2,483 entrepreneurs in all districts in Penang.

For the year 2016, a total of 15 briefing sessions were provided to applicants throughout Penang and 350 people benefited from this scheme and the total loans distributed was RM2.073 million.

Young Agro Entrepreneurs Fund

The Young Agro Entrepreneurs Fund was implemented by the State Government to motivate youths to carve a career in the agro-based industry. The processing of the loan is carried out by the Agriculture, Fisheries and Veterinary Departments of Penang and PDC acts as an agent of the State Government in distributing the loan, collection and administration of the fund.

The State Government has allocated RM500,000 to PDC to implement the programme and as at year end, RM245,000 has been distributed to 49 people.



Distribution of loan to young agro entrepreneurs

PROTUNE Programme

PDC continued with the Program Tunas Niaga (PROTUNE) which is an entrepreneur management programme for secondary schools, with cooperation from the Penang Education Department and Universiti Sains Malaysia. A total of RM179,388.98 were spent on this programme which was funded by the Ministry of Finance and involved more than 950 students from 38 secondary schools.

Entrepreneur Enculturation And Training

In 2016, PDC spent a total of RM151,622.63 for implementation of 13 entrepreneur enculturation and training programmes which were attended by 390 entrepreneurs.

CORPORATE

During the year 2016, I chaired the PDC Board which comprised 12 members inclusive of 3 representatives from the Federal Government and a total of 6 meetings were convened.

A total of 18 KPI Task Force meetings were held during the year, also chaired by me and comprising Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Seri Chet Singh, Dato' Rosli Jaafar, Ms Phan Gaik Cher, Ms Chang Wing Mow and Ms Loo Lee Lian to discuss matters pertaining to the overall strategy and operations of PDC.

Corporate Social Responsibility (CSR)

In 2016, PDC continued to play an important role as a corporate citizen by contributing to the community, welfare, environment, education and sports. PDC carried out various CSR activities, among which are providing subsidised affordable homes, providing infrastructure and amenities, repainting of high rise buildings and greening Penang with its landscape projects.

PDC also continued with its annual ANSARA Blood Donation Campaign, gave donations by way of cash or in-kind to orphanages and the less fortunate during festive occasions, programmes to enhance integrity and self improvement for students, contributions to the TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang Disaster Relief Fund, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, George Town Heritage Festival and Penang Tech Centre.



Integrity programme for students



Launching of ANSARA Blood Donation Campaign

Information And Communication Technology (ICT)

In 2016, PDC implemented the Enterprise Project Management System (EPMS) as well as the new IFCA Enterprise Financial Management System. PDC management now have access to timely and accurate financial information which helps facilitate senior management in their decision making.

EPMS, on the other hand, provides an integrated platform for senior managers and project managers to monitor projects, enable project managers to collaborate with their teammates and share relevant information on PDC infrastructure and development projects such as the Affordable Housing Scheme (AHS) and related projects.

On this encouraging note, I wish to convey my sincere thanks and regards to all our corporate friends and supporters, namely the Federal and State departments, agencies, private sector as well as the people of Penang for their strong support and confidence to PDC during the year.

I would also like to extend my thanks and appreciation to PDC Board members, KPI Task Force members, Audit Review Committee members, PDC management as well as staff for their commitment and hard work in planning and implementing projects for the people of Penang.

Thank you.

YAB Mr. Lim Guan Eng

Chairman

Penang Development Corporation

LAPORAN- LAPORAN





PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH



Gambaran artis Aspen Vision City

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TANAH

Tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi PDC oleh kerana keadaan ekonomi negara yang kurang baik secara tidak langsung memberi impak kepada negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, PDC telah mengambil langkah proaktif dalam merancang pembangunan perindustrian dan perumahan yang menjadi keutamaan PDC selaras dengan Rancangan 5 Tahun Pelan Pembangunan PDC, salah satunya ialah untuk mewujudkan satu koridor pembangunan yang berdaya saing untuk menyokong sektor-sektor industri yang penting untuk masa depan Pulau Pinang seperti sektor pembuatan dan pelancongan serta projek-projek sosial seperti pembinaan infrastruktur, modal insan dan perumahan mampu milik.



Perumahan mampu milik di Batu Kawan untuk rakyat Pulau Pinang

Antara strategi PDC pada tahun 2016 bagi mencapai matlamat yang ditetapkan adalah menambahkan bank tanah PDC melalui pengambilan tanah seluas 790 ekar di kawasan Selatan Batu Kawan Fasa 1. Kawasan seluas 790 ekar ini telah diletakkan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 17 April 2014. Lokasinya yang strategik menjadikan kawasan seluas 790 ekar ini dikhususkan untuk pembangunan jangka masa panjang untuk industri dan perwujudan peluang pekerjaan.

Sementara itu, PDC juga telah memberi keutamaan kepada pengambilan tanah seluas 97.95 ekar di kawasan di Bukit Tambun (Timur Batu Kawan) bagi tujuan pelebaran jalan dan juga pembangunan masa hadapan. Manakala baki tanah seluas 465.62 ekar lagi akan diselesaikan pada tahun 2017. Tujuan PDC mengagihkan masa pengambilan tanah secara berperingkat di Timur Batu Kawan adalah bagi mengurangkan impak kewangan PDC pada tahun 2016. PDC menjangkakan tanah di Timur Batu Kawan adalah kawasan yang paling strategik untuk dibangunkan kerana lokasinya terletak di laluan masuk Bandar Cassia dan mengambil potensi pembangunan sekitar seperti pembangunan Eco Meadow oleh pemaju EcoWorld yang berada berhampiran kawasan ini.

Dengan keadaan ekonomi negara yang kurang baik, PDC mendapati sambutan bagi panggilan untuk tender pembangunan melalui *Request for Proposal (RFP)* agak kurang memberangsangkan berbanding tahun

sebelumnya. Oleh kerana ini, PDC telah menangguhkan hasrat untuk memanggil tender *RFP* bagi tanah seluas 50 ekar untuk tujuan pembangunan bercampur di Bandar Cassia pada tahun 2016. Pemaju PE Land juga turut menangguhkan menandatangani perjanjian pembelian tanah seluas 18.54 ekar tambahan kepada tanah yang telah dibelinya di Bandar Cassia sehingga Julai 2017. Walau bagaimanapun, bagi pemaju yang telah melabur di Batu Kawan seperti Aspen Sdn Bhd, bayaran penerimaan tetap diteruskan dengan jumlah RM25.4 juta pada tahun 2016 dan pembangunan di tapak berjalan lancar. Pelan permohonan kebenaran merancang oleh IKEA juga telahpun dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 14 September 2016. Pembangunan IKEA ini dijangka akan siap dan beroperasi pada tahun 2019.

Bandar Cassia turut menerima pembukaan *Outlet Mall* baru iaitu Design Village Penang pada 23 November 2016. *Outlet Mall* seluas 24 ekar ini adalah pusat komersil berkonsepkan fesyen *outlet* yang terbesar di Malaysia dengan membawa jenama-jenama terkemuka seperti Ralph Lauren, Coach, Adidas dan Clarks. Sementara pemaju Paramount Sdn Bhd juga telah menjalankan kerja-kerja tanah pembangunan Kolej Universiti KDU di Bandar Cassia pada tahun ini dan kolej universiti ini dijangkakan akan dibuka pada tahun 2018.

PDC yakin kedudukan pasaran hartanah akan semakin pulih pada tahun 2017. Oleh itu, antara langkah yang diambil oleh PDC untuk mengekalkan momentum pembangunan di Bandar Cassia adalah dengan memanggil semula tender terbuka *RFP* untuk cadangan *International Golf Resort* dan pembangunan baru yang dikenalpasti di Bandar Cassia iaitu Taman Tema Antarabangsa. Perancangan pembangunan seperti ini merupakan tarikan yang mampu dibawa ke Bandar Cassia selain menjadikan bandar ini maju dan berdaya saing. Justeru, dengan wujudnya pembangunan-pembangunan ini akan membuka lebih peluang pekerjaan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan dan hartanah di Bandar Cassia.

Pembangunan Industri

Pada tahun 2016, Pulau Pinang merekodkan pelaburan sebanyak RM4.3 bilion (daripada projek-projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA), di mana pelaburan asing adalah sebanyak RM3.1 bilion dan pelaburan tempatan sebanyak RM1.2 bilion. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 10,813 peluang pekerjaan.

Sepanjang tahun 2016, PDC telah berjaya menjual sebanyak 64.21 ekar tanah perindustrian kepada 21 buah syarikat terutamanya di Taman Perindustrian Batu Kawan (36.96 ekar), Utara Penang Science Park (12.41 ekar), Penang Science Park (13.6 ekar) dan Taman Perindustrian Prai (0.9 ekar).

Daripada syarikat-syarikat yang melabur di tanah perindustrian PDC, terdapat 3 syarikat MNC yang telah memilih Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) iaitu:-

- Boston Scientific Medical Device (Malaysia) Sdn Bhd (Amerika Syarikat) dengan aktiviti pembuatan *medical device (including structural heart components, medical optical fibers and endoscopy biopsy devices)*, dijangka melabur sebanyak lebih kurang RM223 juta bagi mengembangkan operasi mereka di atas tanah seluas 20 ekar di BKIP. Pelaburan ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 300 orang.



Kilang Boston Scientific di Batu Kawan



- Avago Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Amerika Syarikat) dengan aktiviti *global supply chain hub* akan melabur sebanyak RM38.7 juta atas tanah seluas 5 ekar yang jangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 131 orang.
- Sunningdale Tech Penang Sdn Bhd (Singapura) dengan aktiviti pembuatan komponen plastik untuk industri automotif, konsumer/industri-industri IT dan kesihatan juga mengembangkan operasi perniagaan mereka di BKIP. Syarikat ini dijangka melabur sebanyak RM45.5 juta di atas tanah seluas 3.5 ekar. Pelaburan ini dijangka akan menjana peluang pekerjaan sejumlah 404 orang.

Pada tahun 2016, PDC telah menjual tanah kepada 18 syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam pelbagai bidang seperti pengeluaran *frozen food*, produk bijiran bercampuran, *medical device*, *sleep apnea and hearing device*, pengeluaran alat-alat motosikal, *global supply chain hub*, komponen plastik bagi industri-industri automotif, IT serta kesihatan.

Pelaburan dan pembangunan di BKIP ini telah menjana pertumbuhan dan pengembangan ekonomi melalui pengenalan aktiviti pembuatan, peningkatan peluang pekerjaan dan penjanaan hasil lebihan bagi negeri Pulau Pinang. PDC masih meneruskan perancangan untuk melihat kemungkinan pengembangan kawasan perindustrian di masa hadapan terutamanya di Selatan Batu Kawan di samping menyegerakan pembangunan infrastruktur di BKIP untuk membolehkan para pelabur memulakan operasi perniagaan mereka.

Pada masa yang sama, perkembangan terkini berhubung pembangunan dan pelaburan di tanah perindustrian PDC adalah seperti berikut:-



Projek PKT Logistics di Batu Kawan

- PKT Logistics (M) Sdn Bhd yang telah membeli tanah seluas 70.5 ekar di BKIP pada tahun 2013 untuk tujuan pembangunan sebuah pusat logistik berkonsepkan *One Auto Hub*. Kini PKT telah mendirikan komponen pergudangan yang dikenali sebagai *The 12 Waves* dan dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2017.
- PDC juga giat berbincang dengan Penang Goldsmith Association (PGA) untuk membangunkan tanah seluas 6 ekar bagi tujuan perkembangan industri emas tempatan di BKIP.
- Penang Automation Cluster bertujuan mewujudkan kluster SME bertaraf dunia untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam sektor industri automasi. PDC dalam perbincangan dengan beberapa syarikat yang berminat untuk membangunkan Kluster Automasi di tanah seluas 5 ekar di BKIP di mana sebagai permulaan sebanyak 18 unit kilang teres akan dibina. Kilang-kilang tersebut kemudiannya akan disewakan kepada syarikat-syarikat IKS yang berkelayakan dan terlibat dalam sektor automasi yang berkaitan.
- PDC dengan kerjasama PIHH Development Sdn Bhd juga giat mempromosi dan membangunkan kawasan industri makanan seluas lebih kurang 98 ekar di Utara Penang Science Park bagi membolehkan syarikat-syarikat industri makanan beroperasi dalam kawasan industri yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

Pada bulan Februari 2016, Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd, pengeluar lampu, gear kawalan elektronik dan semikonduktor opto seperti diod pemancar cahaya (LED) dari Jerman telah memindah operasi jualan ke Pulau Pinang bagi mengukuhkan kedudukan pengembangan terbaharu kilangnya.

Bangunan kilang baharu ini dikenali sebagai PEN33 yang terletak di Fasa 1, Bayan Lepas dan Osram dijangka memulakan operasinya pada awal tahun 2017. Seramai 300 kakitangan daripada Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan akan ditempatkan di bangunan ini. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan kepada PDC untuk membina dan menyewa bangunan kilang tiga tingkat ini yang bernilai RM15.5 juta kepada Osram.



Bangunan PEN33 di Fasa 1, Bayan Lepas

Pengembangan Osram akan memberi fokus kepada perniagaan berkemahiran tinggi dan teknologi yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi untuk Pulau Pinang.

Peranan IKS

Kerajaan Negeri bersama PDC sentiasa peka, memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada IKS kerana sektor ini merupakan sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan menjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan. Oleh yang demikian, PDC secara berterusan telah membina dan terus merancang projek-projek IKS bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Di bawah projek SME Village Batu Kawan, plot-plot tanah industri serta kilang-kilang jenis teres dan berkembar akan dibangunkan dalam 5 Fasa. Fasa 1 dan 2 yang merangkumi 44 plot tanah industri dan 44 unit kilang berada dalam peringkat pembangunan dan pembinaan. Setakat Disember 2016, daripada 44 unit kilang yang dibina, sejumlah 40 unit kilang telah berjaya dijual dan dalam proses memperolehi *Certificate of Completion and Compliance* daripada MPSP.



Fasa 3 yang merangkumi pusat perkhidmatan, kedai serbaneka, ruang pameran, bilik mesyuarat dan sebagainya sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2017. Manakala, Fasa 4 dan 5 masih berada dalam peringkat perancangan bagi memenuhi permintaan masa depan.

Selain itu, satu lagi projek IKS yang merangkumi 27 unit kilang di Taman Perindustrian Bukit Minyak telah memperolehi *Certificate of Completion and Compliance*. Setakat Disember 2016, sejumlah 21 unit kilang telah dijual.

Bagi menyokong keperluan sektor industri di Batu Kawan, PDC telah memperuntukkan tanah seluas 4 ekar untuk pembangunan satu blok 2-tingkat Pusat Perkhidmatan (*Service Centre*), bagi menempatkan prasarana asas dan moden dalam menawarkan fasiliti terbaik kepada perkembangan operasi pelabur IKS. Kerja-kerja pelaksanaan Pusat Perkhidmatan ini dijangka siap pada suku kedua 2017.



Pusat Perkhidmatan di Batu Kawan

Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan

Pada tahun 2016, PDC telah meneruskan usahanya untuk menyediakan tapak pembangunan dan kemudahan infrastruktur bagi menyokong perkembangan pesat sektor industri, perumahan dan komersil di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan serta di Penang Science Park dan Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.

Kilang-kilang teres di
SME Village, Batu Kawan

Di Batu Kawan, sambungan Lebuhraya Bandar Cassia, Persiaran Cassia Selatan 2 dan Lingkaran Cassia Selatan di bahagian timur Taman Perindustrian Batu Kawan telah disiapkan. Persiaran Cassia Selatan 3 dan Lingkaran Cassia Selatan di bahagian barat BKIP telah siap sepenuhnya pada Jun 2014. Jalan-jalan ini akan menghubungkan kawasan pembangunan perumahan dan komersil di Utara Batu Kawan dengan BKIP dan persimpangan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Jalan-jalan di dalam kawasan SME Village telah disiapkan pada Disember 2016 dan jalan-jalan di dalam kawasan SME Park 3 akan disiapkan pada suku pertama 2017. PDC juga sedang dalam pembinaan jambatan penghubung antara Batu Kawan dengan Valdor yang dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2019.

Jalan Cassia Barat 2 telah disiapkan semasa majlis pembukaan rasmi Design Village Penang oleh PE Land pada 23 November 2016. Jalan Cassia Barat 1 akan disiapkan pada suku ke-2 tahun 2017 bagi jalan masuk utama ke projek perumahan mampu milik (AHS) Suria 1.

Kerja-kerja menambun tanah bagi menyediakan tapak perindustrian juga sedang giat dilaksanakan di BKIP di mana kawasan seluas 180 ekar telah disiapkan pada Disember 2011 sementara penambunan seluas 395 ekar lagi telah disiapkan sepenuhnya pada Mac 2015. Tapak perindustrian tambahan seluas 287 ekar lagi juga telah disiapkan sepenuhnya pada September 2016. Manakala baki kawasan Fasa 1 seluas 53 ekar dijangka siap sepenuhnya pada suku ke-3 tahun 2017. Kawasan Fasa 2 seluas 34 ekar telah dirancang dan dijangka siap pada suku ke-2 tahun 2018.

Sementara itu kerja-kerja memperluaskan Utara Penang Science Park seluas 377 ekar lagi telah dimulakan.



Kerja-kerja memperluaskan Utara Penang Science Park

Kerja-kerja menambun tanah telah dibahagikan kepada 3 fasa. Kerja tanah bagi Fasa 1 seluas 121 ekar telah siap sepenuhnya pada Disember 2013 manakala bagi Fasa 2 iaitu seluas 210 ekar telah disiapkan pada September 2016. Kerja-kerja meratakan bukit seluas 13 ekar sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada suku ke-4 tahun 2017. Kawasan Fasa 3 seluas 33 ekar lagi sedang dalam perancangan untuk ditambun tanah pada tahun 2018.

Pembinaan jambatan merentasi Sungai Junjung Mati telah siap dibina pada tahun 2012. Pada tahun yang dikaji, PDC sedang menjalankan kerja-kerja infrastruktur bagi menyambungkan kawasan sedia ada Penang Science Park ke Juru melalui kawasan baru di Utara Penang Science Park. Jalan masuk utama, Jalan 1 daripada Penang Science Park ke Utara Penang Science Park telah disiapkan. Jalan 3 iaitu jalan sambungan dari Jalan 1 yang akan menyambung ke Jalan Kebun Baru di Juru dijangka akan siap pada suku pertama 2018. Manakala Jalan 2, 4 dan 5 untuk kawasan perindustrian ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku pertama 2018.



Program mengindahkan taman perindustrian

Sementara itu, usaha untuk meningkatkan nilai estetik dan keindahan taman-taman perindustrian PDC terus dilaksanakan melalui program-program landskap, khususnya di kawasan pertumbuhan baru Batu Kawan dan Penang Science Park. Rekabentuk untuk Linear Park di Batu Kawan yang akan merangkumi kawasan landskap, tasik, kawasan-kawasan rekreasi dan lain-lain sedang dilaksanakan.



Projek Perumahan Mampu Milik di Bandar Cassia

PENGURUSAN HARTA

Pembangunan Perumahan

Pada tahun 2016, PDC bersama dengan Kerajaan Negeri telah meneruskan tanggungjawab sosial perumahannya melalui pelaksanaan Projek Perumahan Mampu Milik (PMM) bagi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

Projek PMM di Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan yang mengandungi 11,800 unit mula dibina secara berperingkat mengikut fasa. Fasa pertama, yang mengandungi 520 unit telah dimulakan pembinaannya pada 26 Disember 2013 dan setakat akhir tahun 2016 adalah di peringkat 92% pembinaan. Projek ini dijangka siap pada suku ke-4 tahun 2017. Projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan fasiliti 3G dan kemudahan taman rekreasi seperti laluan basikal, padang bola sepak, gelanggang bola keranjang, trek *jogging*, taman permainan kanak-kanak, dewan orang ramai, surau, medan selera, unit-unit kedai, pejabat pengurusan dan tempat letak kereta bertingkat. Harga jualan adalah di dalam lingkungan RM72,500 hingga RM220,000 seunit. Projek ini bakal dilengkapi dengan pembangunan komprehensif dengan wujudnya sektor perkilangan, pusat perniagaan, institusi pengajian tinggi dan lain-lain kemudahan untuk orang ramai.

Selain dari Bandar Cassia, antara kawasan lain di Seberang Perai yang dikenalpasti untuk pembinaan PMM adalah di Kampung Jawa. Projek ini mengandungi 707 unit dengan harga jualan di antara RM72,500 hingga



Projek PMM di Kampung Jawa

RM250,000 seunit. Kerja-kerja pembinaan bagi projek ini telah dimulakan pada 17 November 2014 dan setakat akhir tahun 2016 adalah di peringkat 48% pembinaan. Projek ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2018.



Projek PMM di Teluk Kumbar

Manakala di kawasan sebelah pulau, projek PMM yang sedang dimajukan adalah di Teluk Kumbar dan di Jalan

S P Chelliah. Projek di Teluk Kumbar mengandungi 694 unit dengan harga jualan di antara RM72,500 hingga RM330,000 seunit. Projek ini telah dimulakan dengan kerja-kerja tanah pada Julai 2014 dan setakat akhir tahun 2016 adalah di peringkat 30% pembinaan. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2018. Bagi projek di Jalan S P Chelliah yang mengandungi 2,093 unit, kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada Oktober 2014. Harga jualan adalah di dalam lingkungan RM72,500 sehingga RM400,000 seunit. Projek-projek ini akan disediakan dengan pelbagai kemudahan awam dan rekreasi seperti taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna, pejabat pengurusan, taska, pejabat JKKK, tempat letak kereta terbuka dan tertutup (bertingkat), surau dan gerai-gerai penjaja.

Pengurusan Perumahan Bertingkat dan Lain-Lain Projek PDC

Bagi projek perumahan bertingkat PDC, pada tahun 2016, PDC dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Bangunan (COB), MPSP telah mengadakan satu Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Pertama untuk Blok L1, Jalan Tenggiri, Bandar Seberang Jaya pada 27 Disember 2016, bagi tujuan penyerahan Perbadanan Pengurusan (MC) kepada pemilik-pemilik blok tersebut. Blok ini merupakan blok PDC yang terakhir di Bandar Seberang Jaya yang terlibat dengan penyerahan MC.

Pada tahun 2016, PDC masih mengekalkan polisi perkongsian kos untuk pengecatan semula bagi bangunan-bangunan PDC. Setakat 31 Disember 2016, PDC telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula untuk sejumlah 13 projek perumahan bertingkat yang merangkumi kawasan pulau dan Seberang Jaya yang melibatkan 15 Perbadanan Pengurusan (MC). Selanjutnya, pada akhir tahun 2016, PDC dalam proses untuk menyiapkan kerja-kerja pengecatan semula di Pangsapuri Desa Sri Jaya, Bandar Seberang Jaya, yang dijangka akan siap pada awal tahun 2017.

Projek-projek tarikan baharu di KOMTAR



Pangsapuri Desa Sri Jaya

Selain itu, PDC juga turut menawarkan dasar perkongsian kos untuk pelaksanaan pembaikan kritikal untuk projek-projek kos rendah dan sederhana rendah. Pada akhir tahun 2016, kerja pembaikan kritikal yang melibatkan kerja-kerja pembaikan bumbung, pembaikan tangki air dan penggantian paip air sedang dijalankan di Blok 74, Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru. Bagi projek ini, perkongsian kos adalah di antara PDC, pihak Perbadanan Pengurusan dan Kerajaan Negeri.

Di samping itu, PDC juga dalam proses melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan lif di 6 blok pangsapuri di Gat Lebu Macallum.

Pemuliharaan Semula KOMTAR

Bagi projek pemuliharaan di bangunan KOMTAR yang sedang dilaksanakan oleh Only World Group (OWG), pada tahun 2016, syarikat tersebut telah berjaya menyiapkan komponen-komponen seperti berikut:-

- Kerja-kerja pengubahsuaian di bekas kawasan pelantar di Aras 64 dan 65 (*Helipad*) dan penambahan aras tambahan di atas *Helipad* bagi tujuan *outdoor/extreme sky dining* serta lif tinjau luaran berkelajuan tinggi (*external high speed observation lifts*) yang menghubungkan ruang terbuka di Aras 5, Rooftop dengan Aras 59, 60 dan seterusnya ke Aras 68.

YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz



Pelancaran pembukaan rasmi The Top @ Komtar

- *Dinosaur & Zodiac Parks, Planetarium dan 7D Theatre* di ruang terbuka di Aras 5.
- Pembangunan semula ruang terbuka di laluan pejalan kaki yang terletak di Aras 5, Rooftop bagi menempatkan ruang niaga, makanan dan tarikan hiburan keluarga.

Sejajar dengan itu, satu upacara perasmian telah diadakan pada 18 Disember 2016 yang mana ianya telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Kebudayaan Kesenian & Pelancongan Malaysia yang mewakili YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Berkenaan aspek pembaikan dan penaiktarafan kemudahan di bangunan KOMTAR, PDC masih meneruskan dengan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan. Bagi kemudahan mekanikal dan elektrik, antara kerja yang terlibat ialah penaiktarafan sistem penyaman udara dan penggantian eskalator di Blok Podium, penggantian pemasangan sistem voltan tinggi (*chiller plant*) dan VCB, ALBS panel and transformer, pembaikan main alarm panel serta pembaikan CCTV di Blok Podium dan Blok Menara. Manakala bagi kerja bangunan dan sivil pula ianya termasuklah penggantian paip kumbahan dari Aras 1 hingga 60, ubahsuai tandas di Aras 5 di Blok Menara, naiktaraf siling di Blok Podium berhadapan Jalan Penang serta naiktaraf lif lobi di Aras 28, Blok Menara.

Selain itu, PDC menyedari bahawa isu tempat meletak kereta adalah amat penting bagi pengunjung dan kakitangan di KOMTAR. Pihak OWG yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksana kerja pembaikan dan menaiktaraf tempat meletak kereta bertingkat di KOMTAR sejak 1 Oktober 2015, telahpun menjalankan kerja-kerja pengecatan, pemasangan CCTV dan lain-lain yang berkaitan. Pihak OWG juga sedang melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian di ruang-ruang perniagaan di Aras 1 di bangunan tersebut. Apabila kerja-kerja ini disiapkan dan beroperasi kelak, kawasan berkenaan akan menjadi bertambah menarik lagi.



Pemasangan CCTV untuk meningkatkan kawalan keselamatan

PDC dan Kerajaan Negeri memang sentiasa berusaha dan bekerja keras demi memastikan hasrat mengembalikan kegemilangan KOMTAR dapat dicapai.



PELABURAN

PELABURAN

PIHH Development Sdn Bhd (Halal Penang)

Dalam meniti arus kemodenan ini, Halal Penang semakin giat memasar dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Antarabangsa. Oleh hal yang demikian, Halal Penang sekali lagi menjadi penganjur kepada Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC) bagi tahun ke-7 dan World Curry Festival - Penang Chapter kali ke-2 pada Januari 2016.



Penganjuran PIHEC ke-7

Pada tahun ini, PIHEC mencatatkan pertambahan penyertaan sebanyak 47% bagi pemamer tempatan dan juga antarabangsa, yang terdiri daripada 224 buah organisasi pada tahun 2015 kepada 329 buah organisasi pada tahun 2016. Antara negara luar yang mengambil bahagian untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan halal mereka terdiri dari negara Jepun, China, Pakistan, Thailand, Korea, Indonesia dan Amerika Syarikat. Sepanjang 3 hari ekspso halal ini berlangsung, PIHEC berjaya menarik perhatian seramai 62,162 pengunjung.



Halal Expo Europe

Halal Penang meneruskan usahanya untuk memartabatkan lagi kedudukan Pulau Pinang di dalam peta dunia halal global. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Halal Penang untuk membangunkan rangkaian dan mewujudkan hubungan perjanjian dua hala dengan negara-negara luar seperti Australia Selatan, Korea Selatan, Pakistan, Netherlands, United Kingdom, China, Turki dan New Zealand. Halal Penang turut mengambil bahagian dalam pelbagai pameran perdagangan antarabangsa seperti Gulfood dan Arab Travel Mart di Dubai, Halal Expo Europe di Netherlands, THAIFEX-World Food Asia di Thailand, Izmir International Fair di Turki dan LOHAS Exhibition 2016 di Jeju Island, Korea.



Pameran LOHAS

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi membuat lawatan balas ke Bradford untuk mengambil bahagian kali ke-2 dalam World Curry Festival 2016 bagi mempromosikan keunikan masakan tempatan, pelancongan halal, budaya dan juga warisan. Di samping itu, Pavilion Pulau Pinang juga turut mempamerkan kewujudan makanan tempatan seperti roti canai, teh tarik dan juga penyertaan chef tempatan iaitu Chef Pearly Kee yang mempamerkan masakan Nyonya.



World Curry Festival

Dalam membangunkan penyelidikan dan pembangunan industri halal, Halal Penang telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MOU) dengan AgResearch Limited, New Zealand dan FERA Science Limited, United Kingdom dalam bidang pelaburan bersama, pemindahan teknologi dan perkongsian latihan dalam penyelidikan dan pembangunan bertujuan untuk menstabilkan pembangunan dalam sektor agrikultur.

Sementara itu, Halal Penang juga berjaya menjalankan kerjasama dengan beberapa agensi di Korea bagi menawarkan rundingan dan nasihat dalam memulakan industri halal di Korea terutamanya dalam mempromosikan pensijilan halal dan pertukaran teknologi antara syarikat Korea dan Pulau Pinang. Selaras dengan itu, Halal Penang turut meningkatkan lagi perdagangan dua hala dan kerjasama perniagaan bersama Shaan Xi Chamber of Commerce dari Xi'an Province, China dengan menganjurkan sesi padanan perniagaan antara pengusaha industri dari China dan Pulau Pinang untuk mewujudkan rangkaian perniagaan, meningkatkan diplomasi dan mengukuhkan hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara. Di samping itu, Halal Penang turut meneruskan hubungan dua hala *G-to-G* antara Pulau Pinang dan Australia Selatan untuk memartabatkan industri halal terutamanya dalam pensijilan halal dan fasiliti.

Penang Halal Industrial Park telah berjaya menempatkan kira-kira 10 buah syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM484.2 juta. Sehingga kini, terdapat 2 buah syarikat telah beroperasi sepenuhnya, 3 buah syarikat sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi menjelang 2017 manakala 5 buah syarikat pula masih berada di peringkat perancangan dan reka bentuk pembinaan. Sehubungan dengan itu, Halal Penang juga turut bekerjasama dengan Invest-in-Penang Berhad (IP) dan PDC dalam membangunkan *Food Zone* di North Penang Science Park dan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah kira-kira RM172.86 juta.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi integriti dan pensijilan halal, Halal Penang dan Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri telah mencatatkan pertambahan dalam pensijilan halal daripada 55 buah syarikat pada tahun 2008 kepada 930 buah syarikat pada tahun 2016 menerusi pelbagai program dan seminar yang giat dijalankan dari masa ke masa.

PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco)

Sebagai salah sebuah anak syarikat PDC, PDC Telco telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan perniagaan di dalam bidang infrastruktur telekomunikasi yang meliputi pembinaan dan pemilikan menara telekomunikasi. Sehingga akhir 2016, terdapat sebanyak 50 buah tapak menara di bawah kawal selia PDC Telco, di mana 30 buah bagi tapak menara kekal dan 20 buah bagi tapak menara sementara (PBTS). PDC Telco juga telah menaikkan jumlah *way sharing* iaitu maksima kepada 7 *ways* pada struktur telekomunikasi menara kekal dan PBTS. Dengan adanya peningkatan ini, ianya telah menaikkan kadar keuntungan syarikat pada tahun 2016.

Selain itu, PDC Telco juga menjalankan fungsi *One Stop Agency* (OSA) untuk kerja-kerja pengorekan yang berkaitan dengan sistem telekomunikasi di seluruh negeri Pulau Pinang. Kuasa bagi menjalankan fungsi ini telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bermula dari tahun 2012. Pada tahun 2016, sebanyak 303 permohonan telah dikemukakan melalui PDC Telco.

PDC Telco telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pemantau dan pelaksana bagi projek *Penang Free WiFi* (PFW) bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada 20 April 2016, PDC Telco telah dilantik sebagai agensi teknikal bagi perkhidmatan *Penang Free WiFi* (PFW) untuk memastikan segala perkara berkaitan teknikal dapat diperincikan selaras dengan kehendak dan keperluan Kerajaan Negeri.

Kilang Everbest di Penang Halal Industrial Park



PDC Telco telah berjaya memuktamadkan dan menandatangani Perjanjian Lanjutan II (Supplemental Agreement II) bersama-sama syarikat Telco utama iaitu Celcom, Maxis dan Digi. Secara amnya, perjanjian bersama syarikat Telco ini adalah bertujuan bagi membolehkan PDC Telco memberi perkhidmatan penyewaan struktur menara telekomunikasi kepada syarikat Telco. Berdasarkan perjanjian tersebut, PDC Telco telah mendapat lanjutan tambahan selama 15 tahun ke atas perjanjian sedia ada di mana tempoh lanjutan keseluruhan menjadi 30 tahun. Penyewaan ini adalah untuk memiliki dan menyediakan kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian di negeri Pulau Pinang.



Seminar anjuran Wuhan Research Institute of Posts and Telecommunications

Pada April 2016, PDC Telco telah berjaya mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengkaji keperluan dan membuat penambahan bagi membina 81 struktur telekomunikasi pelbagai jenis di seluruh negeri Pulau Pinang. Kini, pihak PDC Telco di peringkat pengkajian dan perancangan bagi menjayakan tujuan tersebut.

Pada tanggal 6 – 29 November 2016, seramai 3 orang kakitangan PDC Telco telah dipilih oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyertai seminar bertajuk '*Construction of Communication Network for Malaysia*' yang telah dianjurkan oleh Wuhan Research Institute of Posts and Telecommunications (WRI).

Tujuan seminar ini adalah untuk memperkenalkan teknologi yang dimiliki oleh Kerajaan Republic of China

dalam bidang telekomunikasi dan diharap agar pendedahan kepada kakitangan PDC Telco akan dapat membantu syarikat dari segi penglibatan terhadap teknologi terkini telekomunikasi.

Penang Global Tourism (PGT)

PGT meneruskan usaha dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa bagi tahun 2016. Arab Travel Market (ATM), ITB Berlin (Jerman), ITB Asia (Singapura), World Travel Mart (London), International Travel Expo (Hong Kong),

International Expo Travel (Ho Chi Minh City), Taipei International Travel Fair (Taiwan), dan Hana Tour International Show (Korea Selatan) adalah antara pameran-pameran pelancongan perdagangan yang PGT telah sertai pada tahun 2016. Jerayawara dan misi-misi jualan juga telah dianjurkan oleh PGT bersama-sama dengan Tourism Malaysia di Korea Selatan, Hong Kong, Vietnam dan Myanmar. Bagi tahun 2016, PGT memberi tumpuan kepada pasaran China. Selain itu,



Pesta Belon Udara Panas

PGT juga memberikan sokongan yang padu di destinasi-destinasi baru yang mempunyai penerbangan terus seperti Yangon, Ho Chi Minh City, Sanya dan Wuhan.

Pada tahun 2016, PGT juga telah menjadi tuan rumah kepada 60 lawatan suai kenal untuk media-media dan agen-agen pelancongan dari negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, UAE, Singapura, Korea Selatan, Jepun, China, Vietnam dan Myanmar. PGT juga meneruskan kempen-kempen taktikal bersama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan agen-agen pelancongan seperti AirAsia (untuk China, Vietnam, Myanmar, Indonesia & India), Singapore Airlines (untuk Filipina & Jerman), pemborong (Taiwan, Hong Kong, Australia & Belanda) dan pelbagai agensi pelancongan atas talian di China, Australia, Korea Selatan dan United Kingdom.



ITB Asia

Bagi tahun 2016, PGT juga menjalankan kempen-kempen pengiklanan antarabangsa di Hong Kong dan Phuket, Thailand. Sebanyak 2 trem ikonik telah dihiasi dengan pelbagai reka bentuk Pulau Pinang selama 20 minggu dari bulan Jun hingga Oktober 2016 di Hong Kong, manakala PGT menggunakan papan iklan di lokasi strategik di bandar Phuket selama 2 tahun untuk menyokong penerbangan terus Firefly dari Phuket ke Pulau Pinang. PGT juga mengikuti perkembangan teknologi dengan menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Akaun-akaun Youtube dan Facebook PGT juga telah pesat meningkat kepada 40,000 peminat sepanjang tahun 2016 berbanding dengan 7,000 peminat pada tahun 2015.

Sebagai langkah penerusan bagi Tahun Melawat Pulau Pinang 2016, PGT telah menyokong dan menganjurkan pelbagai acara antarabangsa dan tempatan sepanjang

tahun 2016, seperti Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang yang ke-2 dan Penang Anime Matsuri, World Travel Mart Connect 2016 yang julung kalinya diadakan di Pulau Pinang, Festival George Town 2016, Festival Sastera George Town 2016 dan Festival Muzik Jazz Pulau Pinang 2016.



Acara-acara Festival George Town

Dalam sektor pelancongan filem, PGT telah membantu menghubungkan pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan syarikat-syarikat penggambaran untuk melicinkan produksi filem di Pulau Pinang. Bagi tahun 2016, berdasarkan penyerahan data 44% daripada syarikat-syarikat penggambaran yang telah direkodkan oleh PGT, bajet produksi yang telah dibelanjakan untuk penggambaran di Pulau Pinang adalah RM7.21 juta.

Mengenai sektor Pelancongan Pelayaran, pada tahun 2016, PGT telah menyokong sejumlah 59 majlis sambutan untuk kapal-kapal pelayaran seperti Costa Victoria, Mariner of the Seas, Sapphire Princess, Celebrity Millennium, AIDA Bella dan ketibaan sulung bagi kapal kelas Quantum, iaitu Ovation of the Seas. Port Swettenham kini merupakan *port of call* yang ke-2 paling sibuk di Asia, selepas Jeju, Korea Selatan.



Majlis sambutan di Port Swettenham

2016 juga merupakan tahun yang sangat bertuah untuk PGT dan Pulau Pinang secara keseluruhannya. Beberapa anugerah dan pengiktirafan telah diberikan kepada Pulau Pinang pada tahun 2016, termasuk:-

- Pulau Pinang disenaraikan sebagai salah satu daripada 15 Bandar yang mempunyai Makanan yang Terbaik di Dunia oleh *The Culture Trip* (2016)
- Pulau Pinang berada di kedudukan ke-6 dalam senarai 24 destinasi menakjubkan yang berpatutan untuk mampu melarikan diri daripada musim sejuk dalam *Holiday Lettings UK* (2016)
- Pulau Pinang telah dipilih sebagai tempat pertama dalam senarai 10 Destinasi Bajet yang Terbaik untuk 2016 oleh *Forbes* (2016)
- Pulau Pinang disenaraikan di *Los Angeles Times* sebagai salah satu daripada 16 Destinasi yang Mesti Dilawat
- George Town, Pulau Pinang menduduki tangga ke-4 di *Lonely Planet* dalam senarai 10 Bandar Terbaik untuk dilawat
- Laksa Assam Pulau Pinang telah diiktirafkan sebagai *one of the 8 hottest street foods* oleh CNN

Semua usaha ini telah membuahkan hasil, di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah merekodkan jumlah 6.7 juta penumpang pada tahun 2016, melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta iaitu 4 tahun lebih awal dari yang dijadualkan pada tahun 2020.

PDC Nusabina Sdn. Bhd. (PDCN)

PDCN sebagai syarikat Kontraktor Pembinaan Bangunan

dan Kejuruteraan Awam, setakat ini telah menyiapkan banyak projek bernilai lebih dari RM150 juta. Ini termasuklah pelbagai jenis projek termasuk bangunan kediaman sehinggalah bangunan komersil dan kerja-kerja infrastruktur.



Kerja-kerja penyediaan tapak di projek PMM, Batu Kawan

Visi PDCN adalah untuk menjadi salah sebuah kontraktor utama berwibawa di rantau ini dan Misinya pula adalah menyediakan pengurusan yang cekap dan perkhidmatan berdasarkan kos berkesan, di samping menjaga tahap kualiti kerja serta pratikkan langkah-langkah keselamatan projek di tapak bina.

PDCN telah berjaya meningkatkan prestasi kewangan bagi tahun 2016. Perolehannya berjumlah RM56.3 juta dan untung sebelum cukai adalah RM2.3 juta.



Kerja-kerja penyediaan tapak di Batu Kawan

Projek-projek infrastruktur yang dikendalikan oleh PDCN adalah seperti berikut:-

- Cadangan Membaikpulih Tanah Bagi Lingkaran Cassia Barat Dan Persiaran Cassia Barat 3, Batu Kawan, Mukim 13, Seberang Perai Selatan.

- Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan & Pembaikan Infrastruktur yang Kritikal dipertanggungjawab kepada PDC oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

PDCN telah diberi mandat dan peluang untuk menyempurnakan semua projek berkenaan. Dengan kemahiran yang ada dalam pembinaan dan kakitangan pengurusan yang berpengalaman PDCN akan memastikan projek dikendalikan dengan baik.

PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU)

Visi PDCSU adalah untuk menjadi pengurus aset dan fasiliti yang terkenal di kawasan utara manakala Misinya adalah memberi perkhidmatan pengurusan aset dan fasiliti yang berkualiti untuk memastikan kepuasan pelanggan.

Untuk tahun 2016, nilai kerja yang disiapkan ialah RM20 juta. Projek-projek menaiktaraf KOMTAR yang telah dijalankan oleh PDCSU adalah seperti berikut:-

- Memasang sistem *CCTV* yang baharu untuk meningkatkan kawalan keselamatan di KOMTAR dan projek menaiktaraf ini telah siap pada 13 Mei 2016.
- Menaiktaraf sistem penggera keselamatan api sekitar KOMTAR. Projek pemasangan itu telah selesai pada 20 Mei 2016. Sistem tersebut telah melalui beberapa langkah ujian untuk memastikan sistem tersebut berjalan dengan lancar.
- Kerja-kerja menaiktaraf panel elektrik untuk sistem penyejuk (*chiller*).



Panel elektrik untuk sistem penyejuk

- Menukar eskalator yang baharu di ICT Mall. Projek ini bermula pada 15 Disember 2015 dan siap pada 12 Ogos 2016.
- Memasang sistem penghawa dingin yang baharu di kawasan ruang legar di tingkat 3, KOMTAR.
- Meningkatkan kemudahan untuk orang kurang upaya dengan membina laluan OKU berhampiran pejabat pos.
- Kerja-kerja menaiktaraf siling di kawasan utama, KOMTAR.

Lain-lain projek yang dijalankan adalah:-

- Bangunan KOMTAR diterangi cahaya berwarna-warni dan menjadikannya sebagai pusat tumpuan pemandangan pada waktu malam.
- Majlis Pelancaran Perkhidmatan Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS) Medilock di aras bawah KOMTAR, berhadapan Maybank. Pesakit di Pulau Pinang tidak perlu lagi mendapatkan ubat susulan (*refill medications*) di hospital tetapi boleh mendapatkan ubat mereka di Medilock secara 24 jam di KOMTAR.



Majlis pelancaran PPUSS Medilock di KOMTAR

- Sempena sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2016, PDCSU telah mengadakan pertandingan mewarna di foyer tingkat 3, KOMTAR untuk pelajar sekolah dari umur 7 tahun hingga ke 12 tahun. Ini adalah sebahagian dari Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) antara PDCSU bersama Perbadanan Pengurusan KOMTAR Fasa 1, Tech Dome Penang dan The TOP @ KOMTAR. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk semangat 'sehati sejiwa' kepada semua generasi muda.



PEMBANGUNAN USAHAWAN



Peminjam-peminjam PTSR

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Dalam tahun yang dikaji, PDC meneruskan peranannya dalam menyokong dan menyumbang usaha ke arah membimbing dan membantu golongan usahawan melalui pelaksanaan program-program keusahawanan di samping menawarkan modal tambahan mikro kredit kepada usahawan di Pulau Pinang.

kepada 2,483 peminjam di semua daerah di Pulau Pinang.

Bagi tahun 2016, sebanyak 15 sesi taklimat telah diadakan kepada pemohon sekitar Pulau Pinang. Sepanjang tempoh tahun 2016, 350 peminjam telah menerima manfaat dari pinjaman ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diagihkan bernilai RM2.073 juta.

1. Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Pulau Pinang

Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang adalah program Kerajaan Negeri bersama PDC untuk membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, peniaga-peniaga kecil dapat mengembangkan perniagaan mereka serta meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan isi rumah mereka. Peruntukan dana sebanyak RM11 juta telah disediakan bagi tujuan ini. Pinjaman PTSR ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga maksima RM20,000 dan tempoh bayaran balik antara 1 hingga 2 tahun.

Keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM11.3 juta yang mana telah diluluskan

2. Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang

Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi dorongan kepada golongan muda dan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. PDC bertindak sebagai agen Kerajaan Negeri, sebagai pemberi pinjaman, pengutip pinjaman dan pentadbir TUTM. Permohonan bantuan pinjaman TUTM dibuat melalui jabatan pengelola yang terdiri daripada Jabatan Pertanian, Perikanan dan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Jabatan pengelola berperanan menilai permohonan yang diterima untuk mengenalpasti pemohon yang layak diberi bantuan.

TUTM untuk golongan muda dan belia dalam sektor industri asas tani



Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM500,000 kepada PDC untuk pelaksanaan TUTM dan sebanyak RM245,000 telahpun diedarkan kepada 49 peminjam.



PROTUNE-program pembudayaan pelajar sekolah

3. Program Tunas Niaga (PROTUNE)

PDC meneruskan pelaksanaan Program Tunas Niaga (PROTUNE) iaitu pengurusan keusahawanan remaja sekolah menengah untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah. PROTUNE merupakan program pembudayaan yang diselaraskan oleh PDC semenjak tahun 1998 lagi, telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia melalui pembiayaan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pada tahun 2016, seramai 950 pelajar dari 38 buah sekolah menengah terlibat dalam program ini. Sejumlah RM179,388.98 telah dibelanjakan untuk melaksanakan program ini yang dibiayai oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

4. Pembudayaan Dan Latihan Keusahawanan

